

## APA ITU *STUDENT LEARNING TIME (SLT)* – JAM PEMBELAJARAN PELAJAR

Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) merupakan masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pembelajaran, yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ia merangkumi masa pelaksanaan semua aktiviti pembelajaran iaitu pembelajaran formal dan tidak formal. SLT merupakan jumlah masa yang diperlukan untuk mempelajari sesuatu kursus terdiri daripada Jam Pertemuan Bersemuka (*Face-to-Face*), Jam Pertemuan Tidak Bersemuka (*Non Face-to-Face*), Jam Pembelajaran Kendiri (*Self Study*) dan Jam Penilaian Formal (*Assessment*).




Figure 1 – SLT Model

Model SLT (Rujukan Zainai Mohamed, 2006)

## MOTIVASI

Persoalan :

Sekiranya ada 6 kursus seminggu dan setiap kursus ada 3 jam kuliah (masuk kelas), berapa banyak masa pelajar perlu belajar seminggu

Jawapan:

18 jam seminggu (5 hari) atau 3 jam lebih sehari

Persoalan:

Adakah masuk kelas/ kuliah dikira belajar?



Jika perkara ini yang berlaku, sudah tentu pelajar tidak belajar dalam kelas.

Tetapi....

Jika pelajar dikumpulkan dalam kumpulan, diberikan soalan atau tugas selepas kelas/kuliah, sudah tentu pelajar **TERPAKSA DAN AKAN BELAJAR DEPAN PENSYARAH.**

Begitu juga jika pensyarah memberikan soalan atau tugas selepas kelas atau untuk dihantar pada minggu berikutnya, sudah tentu pelajar **TERPAKSA BELAJAR SENDIRI.**

**Contoh :**

<b>Bersemuka (Face-to-Face)</b>	<b>Tidak Bersemuka (Non Face-to-Face)</b>
<b>Masuk kelas/kuliah (3jam)</b>	Sebelum masuk kuliah : baca nota 30 minit Selepas kuliah : buat nota/ peta minda/ ringkasan (1 jam)
<b>Tutorial/ Makmal (2 jam)</b>	Selepas tutorial/ makmal : Kemaskini jawapan/ data/ kemaskini data (1jam)  Buat laporan amali (2 jam)
<b>Bentang tugas (30 minit)</b>	Cari bahan melalui internet ( 1 jam) Cari bahan-bahan rujukan di perpustakaan ( 2 jam) Perbincangan/ susun/ ringkasan (4 jam) Buat slaid ( 1 jam) Taip laporan ( 2 jam) Persediaan seperti binding ( 1 jam) Persediaan pembentangan ( 1 jam)  Jumlah masa diperlukan = 12 jam

Dalam kes tugas yang perlu dibentangkan selama 30 minit, pelajar memerlukan 12 jam untuk menyiapkannya (bagi 1 kursus).

Jika 6 kursus diambil dan tugas kesemua kursus tersebut perlu dibentangkan pada minggu berikutnya, maka pelajar memerlukan 72 jam untuk menyiapkannya. Tambahan, pelajar juga perlu hadir 18 jam ke kelas pada minggu tersebut.

Jadi, dalam seminggu pelajar perlu ada 90 jam untuk menyiapkan semua tugas dan menghadiri kelas/ kuliah bagi 6 kursus tersebut.

90 jam seminggu ~ 18 jam ( 5 hari seminggu)

18 jam bermaksud pelajar perlu belajar bermula dari jam 8 pagi hingga jam 2 pagi setiap hari tanpa henti untuk menyiapkan tugas dan menghadiri kelas.

Maka dengan sebab itu, bagi mengelakkan pelajar tertekan, jumlah pembelajaran setiap minggu bagi semua kursus perlu dikawal dan dirancang agar pelajar tidak dibebankan dengan kerja kursus semata-mata.

*Secara ideal, dalam seminggu (5 hari), pelajar sepatutnya belajar dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, iaitu 8 jam sehari atau 40 jam seminggu.*

### **SISTEM KREDIT DAN STUDENT LEARNING TIME (SLT)**

*Malaysian Qualifications Framework, MQF* (Kerangka Kelayakan Malaysia) mentakrifkan bahawa **1 jam kredit bersamaan 40 jam SLT** (melalui pendekatan pengajaran-pembelajaran berpusatkan pelajar). Ianya merupakan usaha nominal pelajar (secara purat) untuk mencapai kesemua hasil pembelajaran yang sepatutnya dalam satu semester (14 minggu).

Secara ideal, untuk belajar selama 40 jam seminggu, pelajar perlu mengambil 14 jam kredit dalam satu semester (14 minggu). Oleh itu, 1 minggu (40 jam SLT) bersamaan dengan 1 jam kredit.

#### **Kredit**

Ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

#### **Beban pembelajaran**

Ukuran kuantitatif semua aktiviti pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai set hasil pembelajaran. Aktiviti ini termasuklah kuliah, tutorial, seminar, praktikal, pembelajaran sendiri, pencarian maklumat, kajian, kerja lapangan serta persediaan dan menduduki peperiksaan. **Di Malaysia, 40 jam pembelajaran nosional dinilai sebagai 1 kredit.**

#### **Kebaikan Sistem Kredit :**

1. Peningkatan autonomi pemberi pengajian tinggi (PPT) mereka bentuk dan merancang aktiviti pengajaran-pembelajaran tanpa terikat kepada jam kontak yang berasaskan jumlah minggu pembelajaran dalam sesuatu semester.
2. Menyokong kepelbagaian dalam sistem pendidikan negara yang dicirikan dengan tempoh semester yang berlainan di antara universiti, politeknik, kolej, kolej komuniti serta di antara sektor awam dan swasta.
3. Menyokong kaedah penyampaian yang pelbagai seperti sepenuh masa, separuh masa, hujung minggu, jarak jauh, e-pembelajaran dan juga pembelajaran yang tidak berstruktur dalam sektor informal dan tidak formal.
4. Memastikan beban pelajar diagihkan secara sama rata dalam satu kalendar akademik.

## Mengapa SLT???

1. Sebagai satu alat pengurusan bagi menganggarkan *guided study* (pembelajaran terbimbing) dan sendiri.
2. Tidak membebankan pelajar dengan kerja kursus semata-mata.
3. Untuk membentuk etika dan disiplin dalam diri pelajar semasa belajar.
4. Sebagai penunjuk kepada usaha pelajar semasa belajar dan *study smart*.
5. Meningkatkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

## Panduan Pengiraan Kredit

Jumlah keseluruhan SLT  $\div$  40 = Bilangan jam kredit kursus yang ditawarkan

Teaching and Learning Activities	Implementation Time	Additional Time Preparation Time/ Time for Self Study	Note
LECTURE	1 hr.	1-2 hr.	Complex courses might need 3 hours or more preparation time for one hour lecture.
TUTORIAL	1-2 hr.	1-2 hr	
MAKMAL	3 hr. + report	- none -	For particular disciplines, 3 hours of lab might need additional 2-3 hours to prepare the report.
FINAL YEAR PROJECT	240 - 400 hr.	- none -	
SMALL GROUP DISCUSSION	1-2 hr.	1 hr.	
PROBLEM-BASED LEARNING (PBL)	2 hrs.	2-3 hrs + 2 hrs for discussion	
e-LEARNING	- none-	3 hr.	No Face-to-face
PRESENTATION	1 hr.	2-3 hr.	
CREATIVE WRITING	100-150 pages novel 50-70 pages of script	8-10 hrs/day throughout the whole semester	8 hrs. X 5 days X 14 weeks = 560 hrs.
CASE ANALYSIS/STUDY	3 hrs per case	- none -	
ASSIGNMENT (2000 words)	- none -	10-12 hr.	
SUMMATIVE ASSESSMENT	3 hrs	3 hrs. preparation	Complex courses might need more preparation time for one hour of assessment.

- Nisbah SLT FTF : NTF yang digunakan oleh Program Matrikulasi ialah 1 : 1

Jadual 1.2: Cadangan peruntukan jam pembelajaran sendiri berdasarkan jam pertemuan bersemuka bagi pelbagai aktiviti pembelajaran

Aktiviti Pembelajaran	Jam Pertemuan Bersemuka	Jam Pembelajaran Kendiri
Kuliah	1	1 – 2
Tutorial	1	1
Amali dan praktikum	3	3
Kerja studio	2	2
Pembelajaran berasaskan masalah (PBL)	2	4
Perbincangan kumpulan kecil	1 – 2	1
Pembentangan	1	3 – 4
Penaksiran sumatif	3	3
Tugasan bertulis sebanyak 2000 perkataan		10 – 12
Projek tahun akhir sarjana muda 6 – 10 kredit		240 – 400
Latihan industri* 4 – 12 kredit		160 – 480

\*Pengiraan jam pembelajaran untuk latihan industri dikira berdasarkan bilangan jam pembelajaran berkesan (*effective learning*) bagi satu hari (4 jam sehari) didarab dengan bilangan hari bagi satu minggu (5 hari) dan bilangan minggu latihan industri (Contoh: 4 jam x 5 hari x 2 minggu = 40 jam)

Sumber: Diubahsuai daripada Bengkel Kebangsaan Pemantapan Sistem Kredit MQF, 31 Jan – 2 Feb 2005. Anjuran Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Sumber : Garis Panduan Permohonan Program Akademik, KPT 2015